

UNTUK SIARAN SEGERA

Keuntungan Sebelum Cukai Sime Darby Property Meningkat Sebanyak 41% Kepada RM229.0 Juta Pada Separuh Pertama TK2022

- Jualan sebanyak RM1.9 bilion pada separuh pertama TK2022 menandakan peningkatan sebanyak 48% YoY dan 18% QoQ merangkumi hasil portfolio jualan produk-produk segmen kediaman dan perindustrian;
- Pencatatan pendapatan sebanyak RM1.1 bilion pada separuh pertama TK2022 kekal setanding tahun sebelumnya;
- Semua segmen-segmen perniagaan kekal untung pada separuh pertama TK2022, mendorong kepada PBT YoY yang lebih kukuh;
- Pengisytiharan dividen interim pertama sebanyak 1.0 sen.

ARA DAMANSARA, 25 OGOS 2022 – Sime Darby Property Berhad ("Sime Darby Property" atau "Syarikat") telah mendaftar jualan sebanyak RM1.9 bilion untuk enam bulan berakhir 30 Jun 2022 ("separuh pertama TK2022"), menandakan peningkatan sebanyak 48% daripada RM1.3 bilion yang dicapai dalam tempoh yang sama tahun lepas. Syarikat juga mencatatkan pendapatan dan keuntungan sebelum cukai ("PBT") sebanyak RM1.1 bilion dan RM229.0 juta, menunjukkan peningkatan sebanyak 0.5% dan 40.9% tahun-ke-tahun ("YoY"). Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti ("PATAMI") meningkat sebanyak 75.3% YoY kepada RM156.6 juta.

Sime Darby Property mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi suku-ke-suku ("QoQ") pada Q2 TK2022. Ini didorong oleh kemajuan pembinaan yang kukuh di perbandaran-perbandaran utamanya sejak bulan Jun serta jualan produk-produk dengan margin yang lebih tinggi. Syarikat kekal komited untuk mencapai sasaran pelancaran produknya pada TK2022 dengan Nilai Pembangunan Kasar (*Gross Development Value / "GDV"*) sebanyak RM2.8 bilion di mana produk-produk bernilai RM1.5 bilion telah dilancarkan pada separuh pertama TK2022 dan memperoleh kadar pembelian purata 94% untuk harta tanah kediaman yang tidak termasuk produk-produk berkanun setakat 7 Ogos 2022.

Syarikat terus merekodkan hasil positif untuk memperoleh nilai daripada aktiviti-aktiviti pengurusan bank tanah (*land bank*) dan pengewangan yang aktif. Jumlah baki stok siap dibina juga menurun kepada RM319.9 juta setakat 30 Jun 2022.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato' Azmir Merican berkata, prestasi kukuh Syarikat pada separuh pertama TK2022 didorong oleh keberkesanannya pelancaran produk-produk sepanjang tempoh pandemik yang mencatatkan kadar pembelian yang memberangsangkan.

"Syarikat akan sentiasa memastikan pendekatan berdisiplin dalam pengurusan kewangan, serta kerjasama yang lebih erat bersama rakan-rakan vendor untuk menghadapi cabaran-cabaran semasa industri. Usaha dan daya tahan Syarikat untuk menangani isu-isu industri telah menjana momentum kukuh pada separuh pertama tahun ini dan kami mensasarkan trajektori positif ini akan berkekalan untuk baki seterusnya," kata Dato' Azmir.

Dato' Azmir berkata: "Pada bulan Jun tahun ini, Syarikat juga telah melancarkan pernyataan Tujuan (*Purpose*) baharunya untuk menjadi pengganda nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan juga Planet (*To be a Value Multiplier for People, Businesses, Economies and the Planet*) dan menjana impak positif kepada pihak-pihak berkepentingan kami. Tujuan baharu ini akan menyelaraskan kecenderungan serta strategi jangka panjang kami untuk menjadi sebuah syarikat harta tanah yang bersepadu."

Separuh Pertama TK2022 vs Separuh Pertama TK2021

Segmen Pembangunan Hartanah (*Property Development*) telah menyumbang 91.5% kepada jumlah pendapatan Syarikat. Pendapatan pada separuh pertama TK2022 telah terjejas dengan cabaran kekurangan tenaga kerja buruh di seluruh negara justeru mengehadkan perkembangan pesat di tapak-tapak pembangunan. Namun begitu, PBT telah meningkat sebanyak 29.5% YoY didorong oleh produk-produk dengan margin yang lebih tinggi dan kemajuan pembinaan di tapak-tapak pembangunan berbanding dengan impak Perintah Kawalan Pergerakan Penuh ("FMCO") yang dikuatkuasakan pada Jun 2021, serta keuntungan daripada pelupusan tanah untuk perindustrian kepada Dana Pembangunan Perindustrian (*Industrial Development Fund*) menerusi penurunan kepentingan (*dilution of interest*).

Segmen Pelaburan & Pengurusan Aset (*Investment & Asset Management*) juga merekodkan prestasi yang baik dari segi pendapatan dan PBT, masing-masing meningkat sebanyak 21.1% dan 35.2% YoY kepada RM52.3 juta dan RM29.0 juta. Pencapaian ini didorong oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada KL East Mall yang mencatatkan kadar penghunian sebanyak 80% berbanding 73% pada tahun lepas, serta peningkatan jumlah pengunjung. Prestasi Melawati Mall juga menyumbang kepada pencapaian ini melalui pencatatan jumlah pengunjung yang lebih tinggi dalam tempoh ini

Penyambungan semula aktiviti-aktiviti perniagaan pada Q4 TK2021 telah menyumbang sebanyak RM41.2 juta kepada jumlah pendapatan segmen *Leisure*. Keuntungan sebanyak RM8.9 juta daripada pelupusan hartanah di Vietnam juga meningkatkan PBT sebanyak lebih 100% untuk segmen ini berbanding dengan kerugian sebelum cukai ("LBT") tahun lepas yang bernilai RM6.3 juta.

Pencapaian Jualan dan Jualan Belum Dibil

Sime Darby Property berada di landasan yang tepat untuk melangkaui sasaran jualan TK2022 berdasarkan pencapaian jualan sebanyak RM1.9 bilion pada separuh pertama TK2022 yang merangkumi kira-kira 73% daripada sasaran jualan sebanyak RM2.6 bilion. Pencapaian ini menandakan peningkatan YoY sebanyak 48% berbanding RM1.3 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun lalu. Dirangsang oleh inisiatif-inisiatif pemasaran berdasarkan data dan melalui pelbagai platform (*omnichannel*), pelancaran produk-produk pada titik harga yang tepat di perbandaran-perbandaran dengan lokasi yang strategik kekal berkesan merubah tempahan produk kepada pembelian pada kadar kira-kira 80% meskipun dalam keadaan pasaran yang mencabar.

Jualan belum dibil Syarikat juga meningkat kepada RM3.4 bilion setakat Jun 2022 berbanding RM1.8 bilion dalam tempoh yang sama tahun lepas, sekali gus memastikan keterlihatan pendapatan yang sihat untuk dua tahun akan datang. Pencapaian ini didorong oleh produk kediaman bertingkat tinggi di Jendela Residences di KLGCC Resort dan Maya Ara Residences di Ara Damansara, serta produk-produk perindustrian di Bandar Bukit Raja dan XME Business Park di Nilai Impian.

Dividen

Berdasarkan keputusan separuh pertama TK2022 yang kukuh serta kedudukan kewangan sihat, Sime Darby Property telah mengisyiharkan dividen interim pertama sebanyak 1.0 sen dividen sesaham berjumlah sebanyak RM68 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Prospek Untuk TK2022

Sime Darby Property akan terus memperkenalkan lebih banyak produk-produk yang selaras dengan kemahuan pasaran berikutnya permintaan yang amat menggalakkan untuk produk-produk Syarikat yang dilancarkan baru-baru ini. Kekuatan kewangan Syarikat kekal kukuh dengan nilai tunai dan setara tunainya sebanyak RM820 juta serta nisbah hutang bersih pada kadar 30.3%

untuk separuh pertama TK2022, yang membolehkan Syarikat untuk membiayai inisiatif-inisiatif pertumbuhan di masa hadapan.

Dato' Azmir berkata, "Prestasi separuh pertama Sime Darby Property yang amat menggalakkan memberikan kami keyakinan untuk melangkaui sasaran jualan TK2022 Syarikat sebanyak RM2.6 bilion, disokong oleh pelancaran baharu bernilai RM2.8 bilion dalam GDV. Kami juga akan menyaksikan lebih banyak perkembangan baharu yang menarik pada separuh kedua tahun ini, termasuk pelancaran Battersea Power Station di United Kingdom pada bulan Oktober, dan perkembangan berterusan Dana Pembangunan Perindustrian kami melalui usaha sama dengan LOGOS Property untuk mewujudkan aliran pendapatan berulang baharu, sejajar dengan strategi jangka panjang Syarikat."

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri harta tanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju harta tanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'. Sime Darby Property juga telah dinobat sebagai 'EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021', serta pemenang bagi anugerah 'Building Trust Awards 2021' PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com

Kontak Media: Sharmila Nair | +6012-617 7860 | sharmila.nair@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: group.communications@simedarbyproperty.com